



MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ;
**DADAH DIJAUHI,
KELUARGA DIRAHMATI,
NEGARA HARMONI**



ISLAMIC SALVAGEUR OBEYANCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"DADAH DIJAUHI, KELUARGA DIRAHMATI, NEGARA HARMONI".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p> <p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٣﴾</p>	4
<p>Bertakwalah kita kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dengan melaksanakan segala suruhan-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya.</p>	5
<p>khutbah hari ini adalah bertajuk "DADAH DIJAUHI, KELUARGA DIRAHMATI, NEGARA HARMONI".</p>	6



Isu dadah merupakan isu yang serius dalam negara kita kerana impaknya bukan sahaja kepada individu terlibat malah mampu memusnahkan sesebuah keluarga, mengganggu keharmonian masyarakat dan melumpuhkan negara. Lantaran itu, dadah telah diisytiharkan sebagai musuh utama negara sejak tahun 1983. Ini kerana penyeludupan, pengedaran dan penyalahgunaan dadah memberi ancaman besar kepada sistem sosial, ekonomi dan keselamatan negara. Oleh itu, kita semua perlu berganding bahu dan bersepakat untuk memerangi dadah hingga ke akar umbi.

7

Sesungguhnya penyalahgunaan dadah adalah dilarang dari segi syarak dan undang-undang negara. Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) yang bersidang pada tahun 1981 dan 2006 telah memutuskan bahawa penyalahgunaan dadah dan semua aktiviti yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah seperti menanam, memproses, memiliki, menjual, mengedar, membeli atau membenarkan premis digunakan untuk bersubahat dengan penggunaannya adalah diharamkan.

8

Pengharaman ini kerana ia boleh mendatangkan mafsadah yang lebih besar dan pelbagai kemudaratan diri sendiri, keluarga, masyarakat dan Negara seperti menipu, menzalimi, memaki-hamun, mencederakan bahkan ada yang sanggup membunuh. Pengharaman ini juga adalah untuk menjaga akal (hifzul aqli) dan menutup jalan-jalan kemusnahan (saddu Zara'i) yang boleh menyebabkan kerosakan diri, kehancuran keluarga dan kemusnahan Negara.

9



Firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 195 yang dibacakan di awal khutbah ini bermaksud:

"Dan belanjakanlah apa yang ada pada kamu kerana menegakkan agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam kebinasaan dengan tangan sendiri, dan berbuat baiklah. Sesungguhnya, Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik."

10

Realitinya hari ini, jumlah individu yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah semakin meningkat. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) melaporkan bahawa sehingga September 2022 jumlah penagih adalah sebanyak 129,092 orang.

Dari jumlah ini, 83.4 peratus atau 107,633 orang adalah beragama Islam. Laporan sebuah akhbar bertarikh 31 Mei 2023 menyebut bahawa masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia berusia 19 sehingga 39 tahun membimbangkan kita apabila direkodkan sebanyak 500,353 individu terpalit dengan barang haram ini sejak lima tahun lalu. Manakala, Kajian Institut Keselamatan Awam KDN bersama UTM tahun 2023 pula mendapati dalam tempoh akan datang bahawa negara akan merekodkan 2.5 juta penagih dengan purata penggunaan 319,400 kilogram dadah yang dianggarkan bernilai RM16 bilion. Lebih parah lagi, laporan satu akhbar pada 10 Julai 2023, dadah dijual semurah RM18 menerusi laman web gelap.

11



Marilah kita renungkan bersama, apakah yang akan berlaku sekiranya jumlah ini semakin bertambah. Isu yang lebih serius, apabila anak-anak terbiar dan terlibat dengan penagihan menyebabkan keluarga terancam dan masyarakat berantakan. Peningkatan jumlah penagih dadah ini amat membimbangkan yang boleh merosakkan generasi masa depan.

Ibu bapa dan anak-anak yang terlibat dengan masalah penagihan dadah akan mengalami tekanan emosi seperti rendah diri, kemurungan dan berasa diri disisihkan.

Kesan buruk daripada penagihan ini menyuburkan kes-kes jenayah pembunuhan. Sebagai contoh, pada tarikh 16 Januari 2022 kita dikejutkan dengan peristiwa seorang ibu telah dipenggal kepala oleh anaknya yang disahkan positif dadah.

Inilah antara kesan buruk akibat penyalahgunaan dadah. Pembunuhan yang berlaku menandakan suasana kehidupan masyarakat tidak sejahtera dan menakutkan.

12

Rasulullah SAW telah memberikan peringatan akan terjadi salah satu keadaan akhir zaman iaitu berlaku pembunuhan yang mengerikan dan amat berleluasa yang diperingatkan melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

يَتَقَارَبُ الزَّمَانُ وَيَنْقُصُ الْعَمَلُ وَيُلْقَى الشُّحُّ وَتَظْهَرُ الْفِتْنُ وَيَكْثُرُ الْهَرْجُ
، قالوا وما الهرج؟ قال : القتل القتل

13



"Masa berlalu pantas, kurangnya amalan soleh, dicampakkan sifat bakhil dalam hati, keluar fitnah sana-sini, banyaknya al-Harju. Sahabat bertanya, apa itu al-Harju? Jawab Rasulullah SAW: Dahsyatnya pembunuhan dan banyaknya pembunuhan."

14

(Riwayat al-Bukhari).

Pihak AADK sentiasa berusaha dan tidak berputus asa untuk melaksanakan pencegahan, penguatkuasaan dan merawat pulih individu penagih walaupun sudah hampir 40 tahun lamanya. Usaha-usaha ini tidak boleh dilaksanakan sendirian. Semua pihak mesti memainkan peranan dengan ikhlas dan bertanggungjawab dalam memastikan masyarakat bebas daripada dadah.

15

Bantulah individu yang terlibat dengan memberi sokongan moral agar mereka segera mendapatkan rawatan dan pemulihan. Kita perlu menerima dan jangan sekali-kali menyisihkan mereka yang telah pulih kerana mereka juga mampu memberi sumbangan kepada masyarakat.

Ibu bapa perlu lebih serius dalam mendidik anak dengan menekankan kepada nilai keimanan dan ketaatan kepada Allah SWT. Sentiasalah memantau aktiviti anak-anak disamping memohon rahmat dan taufik dari Allah SWT agar anak-anak tidak terbabit dengan apa sahaja yang menjerumus kepada ketagihan dadah. Penghayatan nilai agama dalam keluarga adalah diutamakan untuk membentuk anak menjadi manusia beriman dan berakhlak Islam dalam kehidupan seharian.

16

Allah mengurniakan kebaikan dan kesejahteraan kepada ibubapa yang berjaya menjaga anak-anak dengan amalan-amalan Islam dan terselamat dari ketagihan dadah. Kebaikan dan kesejahteraan ini adalah rahmat Allah bukan sahaja di dunia berolah keluarga bahagia, malah di akhirat, ibubapa dan anak-anak akan dihimpunkan bersama menikmati keindahan dan keseronokan dalam syurga

17



sebagaimana janji Allah SWT melalui firman-Nya dalam surah Al-Tuur ayat 26 dan 27:

قَالُوا إِنَّا كُنَّا قَبْلُ فِي أَهْلِنَا مُشْفِقِينَ ﴿٢٦﴾ فَمَنَّ اللَّهُ عَلَيْنَا وَوَقَدْنَا
عَذَابَ السَّمُومِ ﴿٢٧﴾

18

"Mereka berkata: "Sesungguhnya kami dahulu, semasa berada dalam kalangan keluarga kami, selalu merasa cemas takut (daripada berlaku derhaka kepada Allah), maka Allah mengurniakan kami (rahmat dan taufik-Nya), serta memelihara kami dari azab neraka."

19

Antara pengajaran daripada khutbah ini yang boleh dijadikan pedoman dalam hidup kita adalah:

1. Umat Islam perlu sedar bahawa apa sahaja aktiviti penyalahgunaan dadah adalah diharamkan dalam Islam kerana membawa kepada kemudaratan diri di dunia dan di azab dengan neraka di akhirat.
2. Umat Islam hendaklah beriman dan berakhlak mulia serta sentiasa berdoa kepada Allah memohon rahmat dan taufik-Nya supaya terhindar daripada terjebak kepada ketagihan dadah.
3. Pemimpin, anggota masyarakat dan ibubapa akan dipersoalkan di akhirat kelak jika membiarkan rakyat dan anak-anak terdedah kepada kebinasaan dan kemusnahan dalam hidup ini.

20



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ يَأْيُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾</p>	21
<p><i>“Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari Neraka yang bahan-bahan bakarannya: Manusia dan batu (berhala); Neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.”</i></p> <p>(Al-Tahrim : 6).</p>	22
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	30
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	31



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.
9	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَائِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،



جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	10
اللَّهُمَّ أَيْمَ الْعَوْنِ وَالْهِدَايَةِ وَالتَّوْفِيقِ، وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِي عَهْدِ سَلَاطُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	11
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	16
Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah.	17



<p>Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	18
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِطُفَاكِ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	19
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.</p>	20
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	21
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	22